

**TEKS UCAPAN
YDH INSPEKTOR JENERAL
TAN SRI DATO' SRI KHALID BIN ABU BAKAR
KETUA POLIS NEGARA
SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN CEK
OLEH DRB-HICOM BERHAD KEPADA
POLIS DIRAJA MALAYSIA UNTUK
PENAJAAN ALAT PENGHAWA DINGIN
DI SURAU MAKTAB PDRM CHERAS**

**PADA : 16 MEI 2016 (ISNIN)
MASA : 12.00 TENGAHARI
TEMPAT : DEWAN THEATRETTE
MENARA 1 BUKIT AMAN**

Bismillahhirrahmanirahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, salam sejahtera dan
salam 1 Malaysia.**

Yang Berusaha

Pengacara Majlis

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hj Mohd Khamil bin Jamil

Pengerusi

DRB-HICOM Berhad

Yang Dihormati

Dato' Seri-Dato' Seri dan Dato'-Dato'

Pengarah PDRM

Yang Berbahagia

Dato' Sri Syed Faisal Albar bin Syed Ali Rethza Albar

Pengarah Urusan Kumpulan

DRB-HICOM Berhad

Yang Berbahagia
Dato' Abdul Harith bin Abdullah
Ketua Pegawai Operasi
Automotive Distribution & Defence
DRB-HICOM Berhad

Yang Berbahagia
Dato' Amril bin Samsudin
Ketua Pegawai Eksekutif
Deftech Sendirian Berhad

Yang Dihormati Dato'-Dato', Dif-dif jemputan, pegawai dan kakitangan DRB-HICOM Berhad, pegawai-pegawai kanan PDRM, rakan-rakan media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya, kita dapat bersama-sama di dalam **Majlis Penyerahan Cek Oleh DRB-HICOM Berhad Kepada Polis Diraja Malaysia Untuk Penajaan Alat Penyaman Udara Di Surau Maktab PDRM Cheras**, pada hari yang berbahagia ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri (Dr) Hj Mohd Khamil bin Jamil, Pengurus DRB-HICOM Berhad** yang sudi hadir ke majlis yang penuh bermakna ini. Kehadiran YBhg Tan Sri di majlis ini, secara jelas menzahirkan sokongan dan semangat kerjasama yang sekian lama terjalin di antara PDRM dan DRB-HICOM Berhad selama ini.

Majlis penyerahan sumbangan oleh DRB-HICOM pada hari ini juga sangat bertepatan pada masanya, kerana **Ramadhan al-mubarak** akan menjelang tidak lama lagi. Saya difahamkan, sumbangan sebanyak **RM80,000** ini akan dimanfaatkan untuk pemasangan sebanyak **20 unit alat penyaman udara**, bagi kegunaan **Surau Maktab PDRM Cheras**. Dengan adanya kemudahan tersebut nanti, diharap akan

memberi keselesaan kepada para jemaah untuk beribadah, bukan sahaja di sepanjang Ramadhan, malah pada bila-bila masa dan ketika.

Saya juga turut berbangga, kerana sebagai sebuah syarikat gergasi negara, DRB-HICOM Berhad telah menjalankan tanggungjawab sosialnya tanpa henti kepada masyarakat dan negara, dan ini harus dicontohi oleh syarikat-syarikat yang lain. Selain memenuhi tanggungjawab CSR syarikat, amalan bersedekah seperti ini sememangnya sangat dituntut dalam Islam, yang mana amalan tersebut dapat mengingatkan kita agar sentiasa bersyukur dengan rezeki yang dianugerahkan oleh Allah. Semoga usaha murni DRB-HICOM Berhad ini mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT.

Dalam masa yang sama, sumbangan ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada PDRM di atas jasa yang pengorbanan yang dicurahkan demi rakyat dan negara. Semoga ia dapat menyuntik lebih semangat kepada warga PDRM seluruhnya, dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Hadirlin yang dihormati sekalian,

Izinkan juga saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh Jawatankuasa Pengajur, terutamanya **DRB-HICOM Berhad**, yang telah bertungkus lumus berusaha untuk merealisasikan majlis pada hari ini. Kepada pihak **DRB-HICOM Berhad**, saya dan seluruh PDRM mendoakan agar **DRB-HICOM Berhad** terus maju dengan menjulang nama Malaysia di persada dunia.

Akhir kata, marilah kita sama-sama memanjatkan doa agar kolaborasi antara DRB-HICOM Berhad dan PDRM ini akan berterusan. Semoga perhubungan ini terus berkembang mekar, **kerana “Polis Dan Masyarakat Berpisah Tiada.”**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.